

# KKMM, Sekretariat Rakan Muda jayakan program Rakan Strategik dan Media Siber

UB 15.11.2018 B2

KOTA KINABALU : Sekretariat Rakan Muda UMS dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menjayakan program Rakan Strategik dan Media Siber pada 9 hingga 11 November 2018 di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), UMS.

Program Rakan Strategik Media Siber ini berlangsung selama tiga hari dan disertai oleh seramai 30 orang pelajar UMS.

Program ini merupakan program yang membantu melahirkan bakat-bakat baharu dalam bidang media siber yang sangat bergiat aktif pada zaman dunia internet sekarang.

Selain itu, peserta juga dapat mempelajari kaedah



## PENYAMPAIAN hadiah kepada kumpulan terbaik bengkel

dan ilmu baharu bagi mencungkil daya kreativiti masing-masing dengan media siber sekaligus dalam pendedahan media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan lain-lain.

Majlis penutupan bengkel dihadir oleh Ketua Penolong Setiausaha dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Putrajaya Mahazir Yusuff dan Norhana Nordin selaku penyalaras Sekretariat Rakan Muda UMS.



SESI bergambar peserta Sekretariat Rakan Muda dengan Mahazir.